

## **Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Profesion Perguruan Di Kalangan Pelajar Tahun 4 Perdana Jabatan Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, UTM.**

Othman Bin Md. Johan & Siti Zafirah Binti Mohd Ilias  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan profesion perguruan di kalangan Pelajar Tahun 4 Perdana Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan. Seramai 108 orang Pelajar Tahun Empat Perdana Sarjana Muda Teknologi Pendidikan (Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Jentera, dan Kemahiran Hidup) terlibat dalam kajian ini. Nilai indeks kebolehppercayaan item dalam kajian rintis yang telah dijalankan untuk soal selidik tersebut ialah 0.745. satu set soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Data kajian ini dianalisis menggunakan SPSS Versi 15.0 untuk mendapatkan nilai peratus, kekerapan, min dan ujian-t. Hasil analisis menunjukkan faktor minat dalaman dari aspek motivasi diri dan keyakinan diri merupakan sebab utama pemilihan kerjaya ini. Faktor kedua yang mempengaruhi pemilihan profesion ini ialah faktor minat luaran dengan aspek yang paling menonjol ialah aspek masyarakat. Faktor terakhir yang mempengaruhi pemilihan profesion perguruan ialah faktor pencapaian akademik sebelum memasuki profesion perguruan. Dapatan kajian menunjukkan responden tidak bersetuju bahawa pemilihan profesion ini adalah disebabkan kelayakan masuk yang rendah dan proses pembelajaran yang mudah. Ini menunjukkan profesion ini bukanlah dipilih sebagai pilihan yang terakhir. Kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap keseluruhan faktor pemilihan profesion perguruan antara pelajar lelaki dan perempuan.

*Katakunci :* faktor, pemilihan profesion perguruan

### **Pengenalan**

Perkataan perguruan diambil dari perkataan dasarnya iaitu guru. Mengikut Kamus Dewan, guru bermaksud pengajar, pendidik atau pengasuh manakala perkataan perguruan pula berkaitan dengan guru, berkaitan dengan peranan (tugas dan kelayakan) sebagai guru. Pada asasnya tugas utama guru di sekolah ialah untuk mengajar dan mendidik para pelajar agar menjadi insan yang syumul selain daripada memberikan ilmu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Selain daripada itu, Ramlan (2000) mendefinisikan guru sebagai seorang yang mengajar dan seorang penjawat awam secara langsung mengesahkan bahawa guru ialah pelaksana yang diiktiraf dan diperakukan untuk merealisasikan perlaksanaan dan pembangunan pendidikan kebangsaan secara profesional. Dia juga perlu bersedia dan sanggup mempertingkatkan kemahiran, ilmu dan kewibawaan profesionalnya bagi membina dan memantapkan imej profesional pada diri, keluarga, kejiwaan dan masyarakatnya.

Justeru itu, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menawarkan kursus pendidikan teknikal yang merupakan penyumbang utama guru teknikal ke sekolah-sekolah. UTM memegang tanggungjawab besar untuk mendidik dan melatih bakal-bakal guru. Latihan yang diberikan bukan sahaja dari segi pengetahuan malah kemahiran dalam bidang teknikal dan mempunyai sikap ideal sebagai seorang guru.

Program pengajian yang ditawarkan adalah bertujuan untuk memberi ilmu pengetahuan dan menyediakan pengalaman bagi membolehkan bakal guru memperoleh pengetahuan dan kemahiran asas yang berkaitan dengan profesion perguruan. Secara umumnya kurikulum program teknikal dan kejuruteraan mengandungi empat komponen yang utama iaitu matapelajaran wajib universiti, pengkhususan, profesional dan teknologi maklumat dan multimedia pendidikan. Di samping itu, pelajar perlu menjalani latihan praktikal yang lazimnya dikendalikan semasa cuti semester.

### **Pernyataan Masalah**

Kajian tentang guru banyak dijalankan di seluruh dunia, terutamanya di United Kingdom, Amerika Syarikat dan negara-negara lain untuk mengenalpasti faktor pemilihan kerjaya dalam bidang pendidikan. Menurut Straker (1988), Musak Matrak (1993&1995), dan Subramaniam (1995) beberapa isu telah dikenalpasti yang membawa kepada tanggapan negatif terhadap profesion perguruan berbanding kerjaya lain seperti gaji dan status yang rendah serta kemudahan yang diperoleh.

Abd. Rahim (2002) pula menyatakan walaupun terdapat pandangan negatif tentang profesion perguruan, tetapi masih terdapat golongan yang memilih kerjaya ini kerana beberapa sebab tertentu. Beberapa kajian terdahulu telah mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya perguruan dan didapati faktor pemilihan ini tidak banyak perbezaan antara satu negara dengan negara yang lain walaupun menggunakan sampel yang mempunyai latar belakang yang pelbagai. Misalnya di Malaysia, didapati kerjaya perguruan lebih diminati di kalangan mereka yang tidak berijazah. Mereka memilih kerjaya perguruan kerana status, dipandang mulia oleh masyarakat, gaji dan masa depan serta menyumbang kepada bangsa. Selanjutnya, kajian Muhamad Sani et al. (2002) pula mendapati ahli keluarga, rakan-rakan dan saudara mara merupakan faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya perguruan. Selain itu, kajian tersebut juga telah mengenalpasti bahawa dorongan ibu bapa adalah faktor utama pemilihan calon memilih kerjaya perguruan. Walau bagaimanapun faktor-faktor lain seperti rakan sebaya, saudara mara, guru bukanlah pengaruh yang kuat terhadap pemilihan kerjaya perguruan. Faktor-faktor lain yang dikenalpasti dalam pemilihan kerjaya perguruan adalah seperti minat dan cita-cita, sesuai dengan kebolehan dan bakat, sukakan kanak-kanak, terjamin, dan waktu kerja yang pendek serta cuti rehat yang panjang.

Yong (1994), Chuen et al. (1999) dan Yee (1990) menyatakan faktor ekstrinsik seperti jaminan kerja, gaji dan prospek masa depan serta peluang kenaikan pangkat ditemui dalam kajian tentang pemilihan kerjaya perguruan di kalangan guru sekolah rendah. Bagaimanapun, Marshal (1986) menambah bahawa pengaruh bekas guru, peluang untuk meningkatkan taraf sosial, tanggapan bahawa kemasukan dalam bidang perguruan lebih mudah dan keinginan untuk berkongsi pengetahuan melalui pengajaran juga menyumbang kepada pemilihan kerjaya perguruan. Namun demikian, Hutchinson (1993) dan Hutchinson dan Buschner (1996) mendapati faktor lain seperti keupayaan diri, ingin menjadi contoh teladan dan kreativiti mendorong seseorang memilih kerjaya perguruan.

Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti kecenderungan pelajar 4 SP (A/ E/ J/ H) memilih profesion perguruan. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar tahun 4 SP (A/ E/ J/ H) memilih profesion perguruan terutamanya bagi faktor minat dalaman, minat luaran, pencapaian akademik dan perbezaan faktor-faktor pemilihan profesion antara pelajar lelaki dan perempuan

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti sama ada faktor minat luaran mempengaruhi pemilihan profesion perguruan di kalangan pelajar.
2. Mengenalpasti sama ada faktor minat dalaman mempengaruhi pemilihan profesion perguruan di kalangan pelajar.
3. Mengenalpasti sama ada faktor pencapaian akademik pelajar sebelum memasuki profesion perguruan mempengaruhi pemilihan profesion perguruan di kalangan pelajar.
4. Mengenalpasti adakah terdapat perbezaan dalam faktor minat luaran antara pelajar lelaki dan perempuan dalam pemilihan profesion perguruan.
5. Mengenalpasti adakah terdapat perbezaan dalam faktor minat dalaman antara pelajar lelaki dan perempuan dalam pemilihan profesion perguruan.
6. Mengenalpasti perbezaan pencapaian akademik pelajar lelaki dan perempuan sebelum memasuki profesion perguruan.

## **Kepentingan Kajian**

Hasil dapatan kajian dari penganalisan data-data yang diperoleh melalui soal selidik yang diedarkan akan memberi gambaran yang jelas mengenai minat pelajar-pelajar terhadap profesion perguruan. Kajian ini juga amat berguna untuk Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan (JPTK) di Fakulti Pendidikan UTM melihat minat dari segi dalaman dan luaran, pencapaian akademik sebelum memilih profesion perguruan dan perbezaan faktor-faktor pemilihan profesion antara pelajar lelaki dan perempuan dalam menghasilkan bakal guru yang mempunyai motivasi diri yang tinggi untuk menceburkan diri dalam jurusan pendidikan. Pengkaji berharap melalui hasil dapatan kajian ini, dapat membantu pelajar-pelajar yang sedang mengikuti pengajian serta bakal calon yang akan memilih profesion perguruan sebagai kerjaya dapat menyediakan diri sebaik mungkin agar dapat menimba sebanyak mungkin pengetahuan dan kemahiran agar dapat digunakan sebagai aset untuk diguna dan disumbangkan kepada sekolah dan pelajar.

## **Reka Bentuk Kajian**

Menurut Ary *et al.* (1985), reka bentuk kajian adalah keseluruhan rangka projek yang menyatakan corak jenis kajian yang hendak dijalankan, jenis maklumat yang perlu dikumpul, sumber maklumat didapati dan kaedah yang digunakan bagi memperolehi maklumat. Kajian ini adalah jenis expo-faktor. Dalam kajian ini fenomena yang dikaji ialah faktor yang mempengaruhi pemilihan profesion perguruan di kalangan Pelajar Tahun 4 Perdana JPTK di Universiti Teknologi Malaysia.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai alat kajian bagi mendapatkan data secara kuantitatif. Soal selidik ini mengandungi 2 bahagian. Bahagian A merupakan bahagian maklumat diri responden sementara bahagian B pula merupakan set soalan yang terdiri daripada faktor-faktor yang mendorong pelajar memilih profesion perguruan.

Responden diperlukan untuk melengkapkan borang soal selidik tentang latar belakang masalah dan beberapa aspek lain yang bertujuan untuk menjawab persoalan kajian. Kesemua persoalan kajian yang dinyatakan di dalam bab satu digunakan untuk membentuk item-item soalan di dalam borang soal selidik.

Borang soal selidik tersebut kemudiannya diedarkan kepada responden. Seterusnya, borang soal selidik yang telah diisi oleh responden dianalisis oleh pengkaji menggunakan SPSS Versi 15.

Maklumat yang diperolehi daripada analisis data ditukar ke dalam bentuk perangkaan dan statistik. Keputusan akan dibincang dan dirumuskan bagi menerangkan keadaan sebenar permasalahan penyelidikan.

### **Sampel Kajian**

Kaedah sampel bertujuan dilakukan bagi memilih sampel yang ingin dikaji. Kaedah ini menunjukkan keadaan bagi setiap responden yang dipilih mempunyai peluang yang sama untuk menjawab tanpa mengambil kira daripada kumpulan mana mereka berada. Sumber dari Pejabat Akademik Fakulti Pendidikan UTM, pelajar tahun empat perdana dari Jabatan Teknikal dan Kejuruteraan dari Fakulti Pendidikan ialah seramai 150. Mengikut jadual populasi Krejcie & Morgan sampel yang sesuai ialah 108 orang. Mereka terdiri dari pelajar lelaki dan perempuan Kejuruteraan Awam, Elektrik, Jentera dan Kemahiran Hidup. Sampel-sampel ini tidak mengira umur, bangsa, agama dan jantina.

### **Populasi dan Sampel**

Populasi kajian perlu dikenalpasti bagi mendapatkan data dan maklumat yang dikehendaki. Populasi ialah sebarang kumpulan individu yang mempunyai satu atau lebih perwatakan dalam sesuatu kebiasaan yang menarik minat kepada penyelidik. Sampel pula ialah nisbah atau pembahagian kecil daripada populasi yang dipilih untuk dikaji dan dianalisis.

Menurut Mohd Majid (1998), populasi mestilah ditentukan dan dikaji dengan teliti agar keputusan kajian yang dipilih berkesan. Populasi kajian terdiri daripada Pelajar Tahun 4 Perdana JPTK, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Pelajar yang dimaksudkan adalah daripada kursus SP(A/E/J/H) iaitu seramai 150 orang. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan bertujuan dan mengikut Jadual Penentuan Saiz Sampel Berdasarkan Populasi Krejcie & Morgan (1970). Menurut Krejcie & Morgan, bagi populasi sebanyak 150 orang, dicadangkan 108 orang sebagai saiz sampel.

### **Instrumen Kajian**

Penyelidik menggunakan satu set soal selidik bagi mengumpul data-data yang diperolehi daripada responden. Menurut Mohamad Najib (1999), soal selidik digunakan kerana ia merupakan satu cara yang mudah untuk mendapatkan maklumat dan memerlukan masa yang sedikit untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

Soal selidik ini adalah untuk mendapatkan maklumat daripada responden mengenai faktor minat dalaman, faktor minat luaran dan faktor akademik sebelum kemasukan ke profesion perguruan. Dapatan maklumat ini adalah terhadap setiap pemboleh ubah yang dikaji.

Soalan-soalan yang dikemukakan adalah berdasarkan objektif-objektif yang ingin dicapai. Ianya dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Item soalan yang terkandung dibina sendiri oleh pengkaji dan sebahagiannya diadaptasi dari soal selidik yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas. Pengkaji tersebut adalah:

- i. Rosliza Bt Hamzah (2001) dalam kajiannya yang bertajuk Persepsi Guru Terhadap Profesion Perguruan Masa Kini: Satu Tinjauan Di Tiga Buah Sekolah Di Daerah Pasir Mas, Kelantan.

- ii. Kamaluddin Mohd Lip (2002) dengan tajuk kajian Persepsi Pelajar-Pelajar Tahun 3 Program Perdana Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional Di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Memilih Profesion Perguruan. Satu Tinjauan.

### **Kajian Rintis**

Sebelum borang soal selidik diedarkan, satu kajian rintis dibuat dengan menggunakan 14 orang pelajar perdana kursus 3 SPH yang dipilih secara rawak mudah daripada kalangan pelajar-pelajar tahun tiga Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan Kemahiran Hidup di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Tujuan kajian rintis ini adalah untuk memastikan soalan yang terdapat dalam borang soal selidik mudah difahami, tidak mengelirukan dari segi tatabahasa, isi kandungan, kejelasan dan kebolehpercayaan. Selain itu, kajian rintis ini juga dapat membantu pengkaji menganggar masa yang sesuai bagi menjalankan kajian yang sebenar.

Keesahan dan kebolehpercayaan soal selidik diproses dengan menggunakan Perisian 'Statistical Package For The Social Science' (SPSS) Versi 15.0 untuk menentukan nilai kebolehpercayaan. Sulaiman (1996) menyatakan bahawa kaedah pekali alpha cronbach boleh digunakan untuk soalan-soalan aneka pilihan dan esei. Oleh itu, pengkaji bercadang menggunakan kaedah tersebut.

Nilai kebolehpercayaan yang diperoleh hasil daripada analisis kajian rintis ini ialah 0.745. Menurut Mohamad Najib (1998), kajian yang mencapai nilai alpha 0.6 hingga 0.9 adalah mempunyai keesahan dan kebolehpercayaan soalan yang tinggi. Walaupun demikian, beberapa soalan bagi item-item tertentu telah diubah dari segi ejaan dan tatabahasa supaya dapat menghasilkan soalan yang benar-benar boleh difahami oleh responden.

### **Analisis Data**

Dapatan yang diperoleh dibahagikan kepada tiga aspek. Secara keseluruhannya dapat dilihat, dapatan bagi aspek motivasi diri kebanyakannya dikuasai oleh pelajar lelaki. Walau bagaimanapun, perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan tidaklah terlalu ketara. Item 33 memperoleh min yang tertinggi iaitu sebanyak 3.60 kerana kebanyakan responden dari pelajar lelaki bersetuju bahawa faktor mereka memilih profesion perguruan adalah disebabkan ingin mendidik remaja atau kanak-kanak menjadi belia yang berguna. Bagi pelajar perempuan pula, nilai min sebanyak 3.38 diperoleh bagi item 1 dan kebanyakan daripada mereka bersetuju faktor pemilihan profesion ini adalah disebabkan ingin mendapat kepuasan daripada mencurahkan ilmu. Item yang mendapat min yang terendah bagi kedua-dua jantina ialah item 13 iaitu 2.93 bagi lelaki dan 2.92 bagi perempuan. Kedua-dua jantina ini tidak bersetuju bahawa faktor pemilihan profesion ini adalah disebabkan sukakan kepada kanak-kanak atau remaja.

Aspek pengetahuan memperoleh dapatan min yang tinggi bagi pelajar lelaki. Item 4 menunjukkan sebanyak 3.47 min pelajar lelaki bersetuju bahawa pemilihan mereka terhadap profesion ini adalah disebabkan keinginan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam subjek yang diminati. Walau bagaimanapun, perbezaan min antara pelajar perempuan bagi item ini tidaklah terlalu ketara kerana min perempuan yang diperoleh ialah sebanyak 3.45. Item yang memperoleh min terendah ialah item 2 iaitu sebanyak 2.77 diperoleh dari pelajar lelaki. Pelajar perempuan juga memiliki pendapat yang sama terhadap item ini dengan min yang diperolehi ialah sebanyak 2.95. Dapatan item ini menunjukkan mereka tidak bersetuju faktor pemilihan profesion ini adalah disebabkan oleh gemar membaca buku tentang perguruan atau bahan pendidikan yang lain.

Aspek keyakinan diri mempunyai 2 item soalan. Antara kedua-dua item tersebut, dapat dilihat item 14 dan 15 memperoleh nilai min yang sama untuk pelajar lelaki iaitu sebanyak 3.40. Walau bagaimanapun, jika dilihat secara keseluruhan item 14 lebih mempengaruhi pemilihan profesion perguruan kerana min pelajar perempuan lebih tinggi bagi item ini. Dapatan menunjukkan kedua-dua jantina terutamanya lelaki lebih bersetuju bahawa faktor pemilihan profesion ini adalah disebabkan mereka yakin bahawa profesion ini dalam memberi kepuasan yang tinggi dalam hidup.

**Jadual 1 : Perbandingan Faktor Minat Dalam Antara Jantina**

	Perempuan	78	3.22		
Minat Dalam	Jantina	Bil	Min	t	Signifikan 2 Hujung
	Lelaki	30	3.36	1.03	0.34

Aras signifikan : 0.05

**Jadual 2 : Perbandingan Faktor Minat Dalam Antara Jantina Berdasarkan Item**

Aspek	No. Item	Soalan	Maklum balas Responden			
			Lelaki		Perempuan	
			N	Min	N	Min
Motivasi diri	1	Saya mendapat kepuasan daripada mencurahkan ilmu.	30	3.47	78	3.38
	3	Saya memilih profesion perguruan kerana dapat mendidik anak bangsa.	30	3.40	78	3.32
	13	Saya ingin menjadi guru kerana sukakan kanak-kanak/remaja.	30	2.93	78	2.92
	15	Saya suka menyampaikan pelbagai ilmu kepada kanak-kanak/remaja.	30	3.43	78	3.29
	22	Saya memilih profesion perguruan kerana ia menyeronokkan.	30	3.53	78	3.17
	24	Saya ingin membantu mencorakkan masa depan kanak-kanak/remaja.	30	3.47	78	3.28
	31	Saya suka memberikan penerangan yang lebih mendalam tentang subjek yang saya minati.	30	3.40	78	3.18
	32	Saya ingin menonjolkan ciri-ciri pendidik dalam diri saya.	30	3.43	78	3.31
	33	Saya ingin mendidik remaja/kanak-kanak untuk menjadi belia yang berguna .	30	3.60	78	3.32
	37	Saya suka mengasah bakat remaja/kanak-kanak.	30	3.40	78	3.06

Pengetahuan	2	Saya suka membaca buku tentang perguruan atau bahan-bahan pendidikan yang lain.	30	2.77	78	2.95
	4	Saya ingin berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam subjek yang saya minati	30	3.47	78	3.45
	36	Profesion ini dapat membantu saya meningkatkan pengetahuan dalam bidang yang saya minati.	30	3.30	78	3.18
Keyakinan diri	14	Saya yakin profesion ini dapat memberi kepuasan yang tinggi dalam hidup saya.	30	3.40	78	3.26
	23	Saya mempunyai ciri-ciri sebagai seorang pendidik.	30	3.40	78	3.19

### Perbincangan

Aspek yang paling mempengaruhi minat luaran ialah aspek kemasyarakatan. Ini dapat dilihat pada item 16 yang menyatakan faktor pemilihan profesion perguruan adalah di sebabkan ingin menjalin hubungan yang lebih rapat dengan masyarakat. Ini kerana, kebanyakan pelajar yang berminat bergaul dengan masyarakat mempunyai ciri-ciri menjadi guru kerana memiliki personaliti sosial. Dapatan ini selaras dengan teori Pemilihan Kerjaya Holland yang ditulis oleh Isaacson & Lee (2000) iaitu individu yang memiliki personaliti sosial kebiasaannya suka bekerja dan berinteraksi dengan manusia dan kebiasaannya kerjaya yang sesuai bagi personaliti ini dari jenis personaliti sosial. Selain itu, individu dari jenis personaliti sosial ini akan berminat dalam memberitahu, menolong, melatih, memperkembang, mengubati dan membuat kebajikan kepada orang lain. Matlamat utama bagi individu ini adalah untuk membuat kebajikan dan turut mempunyai kemahiran menggunakan kata-kata serta mahir berkomunikasi dengan orang lain. Selain itu, Isaacson & Lee (2000) turut menyatakan bahawa individu personaliti Sosial akan mencari persekitaran-persekitaran yang memberikan mereka peluang mengamalkan kemahiran-kemahiran dan kemampuannya, melahirkan sikap dan nilai-nilainya dan mengambil segala permasalahan dan peranan yang dipersetujui wujud dalam persekitaran tersebut.

Pemilihan profesion perguruan kerana bidang kerjaya ini stabil walaupun berlaku kejatuhan ekonomi adalah antara perkara yang menimbulkan minat yang tinggi di kalangan Pelajar Tahun 4 Perdana JPTK. Ini kerana profesion perguruan berada dalam badan kerajaan dan kebarangkalian untuk kehilangan pekerjaan lebih tipis berbanding dengan profesion lain yang berada di dalam badan swasta. Dapatan kajian ini selaras dengan kenyataan Atan Long (1982) yang menyatakan bahawa dalam keadaan tertentu faktor ekonomi mendorong individu bertindak untuk memilih pekerjaan. Beliau juga menegaskan bahawa matlamat yang digunakan bagi mencapai keperluan itu mungkin terdiri dari manusia lain, benda atau situasi.

Dapatan analisis menunjukkan majoriti pelajar tidak bersetuju bahawa pemilihan profesion ini adalah disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya. Ini menunjukkan para pelajar dapat membuat keputusan sendiri dan matang dalam pemilihan kerjaya mereka. Kenyataan ini selaras dengan kajian Ginzberg dan rakan-rakan (1972) yang berpendapat bahawa pemilihan kerjaya ialah proses membuat keputusan yang berlaku sejak remaja hingga seseorang individu berumur seawal dua puluh tahun, iaitu apabila individu mula sedar dan mengambil tahu tentang

pekerjaan. Oleh itu, proses pemilihan kerjaya telah berlaku sejak dari kecil dengan menetapkan cita-cita mengikut bidang yang mereka minati.

Pernyataan yang berkaitan dengan kewangan seperti ingin mendapat gaji yang lumayan dan ingin memperoleh elaun tambahan bagi kes-kes tertentu kurang mendapat persetujuan di kalangan responden. Pengkaji berpendapat kemungkinan mereka lebih memandang kepada minat terhadap profesion ini berbanding dengan ganjaran yang bakal diterima. Dapatan tersebut juga dapat melihat bahawa responden sanggup menjalankan tugas yang bakal diberikan tanpa mengira berapa jumlah bayaran yang diberikan oleh kerajaan. Ciri-ciri ini amat penting kerana tugas guru pada masa kini bukanlah hanya kepada pengajaran tetapi juga hal yang berkaitan dengan pengurusan dan aktiviti pembangunan di sekolah.

## Rujukan

- Azman Anuar (1995). *Guru – Cabaran Mencengkam, Martabat Dipersoalkan*. Mastika, 8-11, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bhd.
- Bakhtiar Mansor (1993). *Perguruan : Satu Perspektif Perkembangan Kerjaya* dalam Jurnal Pengurusan Pendidikan, Institut Aminuddin Baki, Kuala Lumpur.
- Currie, J. (1982). The Sex Factor in Occupational Choice. *The Australian and New Zealand Journal Of Sociology*. Vol. 18, p. 180-195.
- Deci, E. L. (1975). *Intrinsic motivation*. New York: Plenum.
- Dictionary of Education (1973). New York: McGraw-Hill.
- Ethington, C. (1988). Women's Selection Of Undergraduate Fields Of Study: Direct And Indirect Influences. *American Educational Research Journal* 25 : 157-175.
- Evans, H. (1993). *The Choice Teaching As A Career*. *Social And Economics Studies* 42 (2&3) : 225-242.
- Foss, S. K., Foss, K. A. & Robert, T. (1991). *Contemporary Perspective On Rhetoric*. Prospect Height. Waveland Press.
- Fox, R.B. (1961). *Factor Influencing the Career Choice of Prospective Teachers*. Journal of Teacher Education. Vol 12, No.4. P. 47-432.
- Glenn, A. D., & Ehman, L. H. (1991). Interactive technology in the social studies. In J.P. Shaver (Ed.), *Handbook of research on social studies teaching and learning* (pp.513-522). New York: Macmillan Publishing.
- Isaacson and Lee, E. (2000). *Career Information, Career Counseling, and Career Development* . 7<sup>th</sup> Edition. Boston: Allyn and Bacon.
- Jabatan Perdana Menteri (1984). Muslim Women's Rights And Responsibilities. *Risalah Bahagian Pendidikan Islam*. 15 (31).
- Nur Aina Binti Mohamad Mahrol (2007). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Profesion Perguruan Di Kalangan Pelajar Lelaki Di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. UTM: Tesis Sarjana Muda.
- Osipaw, S.H. (1983). *Theories of career development*. New York: Appleton Century- Crafts.
- Panduan Akademik UTM Sesi 2007/2008 (2007) UTM: Penerbit UTM.
- Parsons, F. (1909). *Choosing a Vocation*. Boston: Houghton Mifflin.
- Sulaiman Ngah Razali (1996). *Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The Oxford English dictionary (1989). England: Oxford University Press